

# **PERAK LUNCUR PELAN TINDAKAN EKONOMI DIGITAL 2030 DAN BLUEPRINT NEGERI BANDAR PINTAR 2040 MEREALISASIKAN VISI NEGERI PINTAR DAN EKONOMI DIGITAL MAMPAN**

**IPOH, 4 JUN 2025** – Kerajaan Negeri Perak hari ini melakar sejarah penting dengan peluncuran Pelan Tindakan Ekonomi Digital Perak 2030 dan Blueprint Pelan Tindakan Bandar Pintar Negeri Perak 2040, dalam merealisasikan transformasi Perak sebagai negeri pintar yang inklusif, mampan dan berdaya saing dipacu ekonomi digital. Kedua-dua pelan strategik ini bakal memperkukuh infrastruktur digital, memperkasa modal insan serta merangsang inovasi dan pelaburan teknologi ke arah pembangunan sosioekonomi yang menyeluruh dan berimpak tinggi.

Peluncuran ini telah disempurnakan oleh Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad dengan kehadiran barisan Ex-Officio Negeri Perak, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri Perak, YB Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin, Pegawai Kewangan Negeri Perak, YB Dato' Mohd Zaki bin Mahyudin, Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO Negeri Perak, YB Encik Mohd Azlan Helmi bin Helmi, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak, YB Puan Sandra Ng Shy Ching dan Ketua Eksekutif Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPK), YBhg. Datuk Redza Rafiq Abdul Razak.

Dalam ucapan perasmian, Saarani berkata, pelaksanaan bandar pintar menyokong perkembangan ekonomi digital manakala pertumbuhan ekonomi digital memperkukuh bandar menjadi lebih pintar dan berdaya tahan. Kedua-dua pelan tindakan ini mengambil kira semua maklum balas pihak berkepentingan yang bukan sahaja memenuhi keperluan semasa tetapi juga mampu menyahut cabaran masa depan.

Kerajaan Negeri Perak melalui kerjasama erat antara Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), PKNPK dan Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) telah merintis usaha membangunkan Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2030.

Pelan ini merangkumi empat teras strategik, iaitu Akses kepada infrastruktur digital berkualiti, Pentadbiran awam cekap digital, Ekosistem perniagaan rancak dipacu pendigitalan dan Masyarakat diperkasa pendigitalan dengan 21 program menerusi lima projek utama di bawah Digital Perak iaitu infrastruktur digital, bayaran tanpa tunai, perkhidmatan digital, pendigitalan sektor awam dan penubuhan Pusat Kecemerlangan Inovasi Digital (CoE) sejak 2023.





Antaranya projek pembangunan infrastruktur digital seperti JENDELA, Point-of-Presence (POP) dan penggunaan teknologi Low-Earth Orbiting (LEO) satellite untuk kawasan luar bandar, pemerkasaan ekosistem bayaran tanpa tunai dan sistem Point-of-Sale (POS) untuk PMKS, pembangunan kluster perkhidmatan digital termasuk Global Business Services (GBS) dengan kerjasama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), pendigitalan sektor awam merangkumi perkhidmatan e-Kerajaan dan Pusat Kecemerlangan Inovasi Digital (CoE) seperti Smart Perak Research and Innovation Centre (SPRIN), dan AI Academy.

Hasil unjuran pelan ini akan memberikan impak signifikan kepada pertumbuhan ekonomi yang signifikan melalui Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri, sebanyak RM2 bilion hingga RM4.2 bilion menjelang 2030 daripada RM80.2 bilion pada tahun 2022, membuka ribuan peluang pekerjaan baharu, antara 3,000 hingga 6,000 dan membantu dalam pendigitalan 18,000 Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) bagi meningkatkan daya saing di samping meluaskan pasaran .

Kerajaan Negeri melalui Digital Perak juga mengadakan kerjasama strategik dengan pihak SKMM dan pemain industri di Ipoh susulan pelantikan Digital Perak sebagai agensi peneraju inisiatif Smart City melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 24 Julai 2024 dan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) pada 18 Disember 2024 yang meliputi keperluan Infrastruktur Digital, Kerajaan Pintar, Digital Ekonomi dan Masyarakat Pintar.

Ini akan mempercepatkan pembangunan bandar pintar dan infrastruktur digital antaranya di Silver Valley Technology Park (SVTP) di Kanthan, Automotive High Technology Valley (AHTV) di Tanjong Malim dan Lumut Maritime Industrial City (LuMIC) di Manjung.

Sementara itu, Mohd Azlan Helmi, berkata kerjasama antara MCMC dan Digital Perak adalah tepat pada masanya, seiring dengan peluncuran Pelan Tindakan Ekonomi Digital Perak 2030 dan Blueprint Bandar Pintar Perak 2040.

Katanya, kedua-dua pelan ini berperanan sebagai rangka kerja komprehensif dalam memacu penerapan teknologi digital dan Revolusi Industri 4.0 seperti IoT, 5G, kecerdasan buatan dan analitik data besar bagi mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan awam, pengurusan bandar, serta kualiti hidup rakyat yang selari dengan Flagship 11 Perak Sejahtera 2030, yang menaikkan negeri sebagai hab pelaburan digital yang progresif.

Selari dengan aspirasi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Perak melalui Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dengan kerjasama PLANMalaysia Perak telah menyediakan Blueprint Bandar Pintar Negeri Perak 2040 yang People-Centric dengan menggariskan tujuh (7) teras, iaitu **Infrastruktur Digital Pintar, Tadbir Urus Pintar, Ekonomi Pintar, Rakyat Pintar, Alam Sekitar Pintar, Mobiliti Pintar dan Kehidupan Pintar.**

*Blueprint* komprehensif ini menghimpunkan 22 dasar, 52 strategi dan 132 inisiatif bandar pintar dalam menangani cabaran perbandaran yang semakin kompleks yang memerlukan pengurusan bandar berteknologi yang cekap.



Selain itu, satu inovasi pintar, **GeoSilverAi@Mr.TPr (Mr. Town Planner)** telah dibangunkan oleh PLANMalaysia Perak berasaskan teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI) mempercepat dan memantapkan penyampaian maklumat perancangan bandar serta mengintegrasikan teknologi dalam perkhidmatan awam.



Dalam pada itu, Sandrea ketika mengulas mengenai Blueprint Bandar Pintar Negeri berkata, Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Perbandaran Teluk Intan, Majlis Perbandaran Manjung dan Majlis Daerah Kampar telah berjaya mencapai status **Early Adopter** sekaligus meneraju teknologi digital dalam tadbir urus dan perkhidmatan bandar.



“Pencapaian ini merupakan langkah awal yang signifikan dalam usaha memperluas pelaksanaan inisiatif bandar pintar di seluruh negeri. Kedua-dua pelan tindakan ini akan menjadi panduan strategik bagi menyelaraskan pembangunan digital yang partisipatif dan mampan, sejajar dengan aspirasi Perak ke arah **Smart Perak** menjelang 2040,” katanya.

Justeru, kedua-dua pelan ini mendukung transformasi ekonomi dan pembangunan bandar yang mampan, sekaligus menyediakan Perak sebagai destinasi pelaburan digital yang ideal menjelang 2040.